

Kenyataan oleh Orang Asal Malaysia bersempena dengan Kemerdekaan dan Kenegaraan Malaysia 50:44.

Mukadimah

Orang Asal di Malaysia meraikan hari ini bersama dengan berjuta-juta lagi warganegara Malaysia untuk menandakan 50 tahun Kemerdekaan dan 44 tahun pembentukan federasi Malaysia sebagai memperingati sekali lagi maruah dan kehidupan kita sebagai rakyat biasa. Kami yang terdiri daripada 80 Orang Asal yang terdiri daripada 47 kampung gabungan dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia yang berhimpun di Pasar Seni Annexe pada 13-14 September 2007.

Kami melihat diri kami sebagai golongan yang masih hidup di dalam dunia yang global, dengan idea-idea yang kebanyakannya bertentangan dengan aspirasi kami. Kami yang hidup dalam dunia yang global ini telah menyambung untuk mengekalkan masyarakat dan sistem kami, bahasa dan budaya kami, tanah dan kawasan kami, hubungan unik kami dengan alam semula jadi dan dunia spiritual, dan penentuan keputusan kami untuk hidup dan mewariskan cara hidup kami, visi dan aspirasi untuk kesinambungan kepada generasi yang seterusnya. Kami mahu mengekalkan identiti kolektif kami yang kuat yang tersemat dalam sejarah dan kawasan kami yang mana merupakan asas kepada kehormatan, maruah, dan kebebasan, dan yang amat menekankan hak-hak bersama berbanding hak-hak individu.

Orang Asal biasanya disalah sangka, dipandang rendah dan ditempatkan dalam asimilasi. Tetapi Orang Asal adalah bangsa yang berbeza dan tidak menepati gambaran sebagai etnik, agama atau kumpulan politik. Kami juga bukan minoriti atau orang miskin, walau pun kami mungkin juga tergolong dalam golongan tersebut. Orang Asal juga terdapat di seluruh dunia dengan ciri-ciri dan pengalaman yang sama. Kami menyeru saudara-saudara Orang Asal kami untuk menyokong perjuangan kami dan tidak melihat aktiviti perjuangan kami ini sebagai terkebelakang (kolot) dan tidak bermakna. Kami meminta pihak kerajaan, penggubal polisi, kumpulan sokongan dan individu supaya terbuka kepada cara hidup kami, visi dan aspirasi, dan untuk melihat nilai yang dibawa kepada semua orang. Kami semua menyeru pihak berkenaan untuk menjanjikan perubahan.

Kesan buruk pembangunan agresif telah menyebabkan kehilangan dan kesengsaraan kepada banyak komuniti Orang Asal melalui pembukaan ladang berskala besar, perlombongan, empangan, pembalakan, kawasan lindungan dan infrastruktur. Kami menegaskan supaya pembangunan sebegini dihentikan segera kerana pembangunan ini tidak menghormati hak-hak dan tidak mengamalkan mekanisme persetujuan berdasarkan makluman awal sebelum sebarang projek dijalankan di kawasan Orang Asal.

Cara hidup dan sistem Orang Asal yang tidak diiktiraf juga telah menjejaskan maruah dan kehilangan kepada negara untuk membina masyarakat majmuk. Kami, Orang Asal Malaysia menyeru kerajaan negeri dan persekutuan, dan semua yang berkenaan untuk menyediakan ruangan untuk merealisasikan kemajmukan di Malaysia.

Kedatangan kami selama dua hari penuh untuk membincangkan secara teliti berkenaan dengan Hak Tanah kami sebagai hak asasi kami, telah mendedahkan bahawa isu tanah kami di Malaysia adalah serupa, iaitu pihak kerajaan negeri dan syarikat mengambil tanah kami dengan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira tuntutan warisan kami ke atas tanah ini. Kami berjuang terhadap kuasa-kuasa politik dan ekonomi yang mengambil tanah kami

dengan alasan untuk kepentingan ekonomi dan sosial negara. Rampasan tanah ini memberikan kesan yang mendalam kepada tanah kami, komuniti kami dan kehidupan kami. Kami hidup di atas tanah kami, kami hidup dengan tanah kami dan hidup kami bergantung kepada tanah. Tanah ialah nadi dan inti pati kewujudan kami sebagai Orang Asal. Jadi, jangan ambil tanah kami.

Di peringkat kebangsaan, adalah penting untuk mengetahui pelan tindakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Dekad Kedua Antarabangsa untuk Orang Asal Sedunia yang bergantung kepada lima tujuan utama yang mencakupi beberapa bahagian untuk dekad ini yang ditentukan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, iaitu memperkuat kerjasama antarabangsa untuk mencari penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi oleh Orang Asal dari segi budaya, pendidikan, kesihatan, hak asasi manusia, alam sekitar dan pembangunan sosioekonomi.

Dalam enam bahagian ini (budaya, pendidikan, kesihatan, hak asasi manusia, alam sekitar dan pembangunan sosioekonomi), kami Orang Asal Se-Malaysia mahu menekankan beberapa pelan tindakan yang disyorkan berkenaan dengan hak asasi manusia yang penting untuk diambil kira oleh Kerajaan Malaysia:

Untuk memulakan satu penilaian semula legislatif Negara dan negeri untuk menghapuskan peruntukan yang berkemungkinan berdiskriminasi dengan penyertaan penuh dan berkesan oleh pakar-pakar Orang Asal;

Mempertingkatkan lagi legislatif kebangsaan untuk perlindungan dan promosi hak asasi manusia Orang Asal, termasuk cara-cara pengawasan dan jaminan hak-hak tersebut (Perenggan 50 & 56 program tindakan yang berkenaan).

Pertimbangkan untuk mengesahkan Konvensyen Organisasi Buruh Antarabangsa 169 berkenaan dengan Orang Asal di Negara-negara Bebas.

Menubuhkan suruhanjaya dan pusat sokongan undang-undang boleh mengambil permintaan Jaringan Orang Asal Se-Malaysia.

Menubuhkan Suruhanjaya Bebas Tanah Adat Orang Asal untuk menyelesaikan tuntutan tanah Orang Asal dan menubuhkan pusat undang-undang yang dikelolakan oleh pihak berkuasa kebangsaan untuk memaklumkan dan membantu Orang Asal berkenaan dengan legislatif kebangsaan dan antarabangsa berkenaan dengan hak asasi manusia dan kebebasan-kebebasan asas

Menjalankan aktiviti-aktiviti untuk melindungi hak-hak dan kebebasan tersebut (54 & 55), selain daripada kerja-kerja terpuji yang dijalankan oleh pihak SUHAKAM.

Panggilan ***untuk memperbaiki dan penstrukturan semula*** Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dengan menyerahkan kuasa pelaksanaan jabatan ini kepada Orang Asli sendiri

Hentikan segera pemberian lesen, permit dan sewa kawasan Orang Asal. Mansuhkan lesen-lesen, permit-permit dan sewa-sewa yang diberikan terhadap kawasan-kawasan yang dinyatakan tadi tanpa persetujuan melalui makluman awal oleh komuniti Orang Asal.

Percepatkan penandaan kawasan dengan penyertaan yang penuh dan berkesan oleh Orang Asal dan peruntukkan sumber yang cukup untuk menyokong aktiviti-aktiviti ini. Hormati pemetaan komuniti sebagai satu jalan untuk menegaskan tuntutan Orang Asal ke atas kawasan.

Percepatkan dan perbaiki sistem kepada identifikasi isu dan dokumen kewarganegaraan untuk Orang Asal yang masih tidak memilikinya.

Hormati hak-hak kepada jati diri unik dan mansuhkan polisi-polisi asimilasi dan tindakan-tindakan ke arah ini oleh badan-badan yang berkenaan.

Kekalkan dan promosikan bahasa Orang Asal, pengetahuan tradisi, sejarah dan budaya dengan meng'arus perdana'kan aspirasi Orang Asal di dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Oleh itu, secara bersatu dan sebulat suara, kami Orang Asal di Malaysia menyahut kerajaan kami untuk mengambil tindakan ke atas tuntutan kami untuk menyelesaikan isu-isu yang penting untuk kita membangun bersama. Kami mahu penyertaan yang berkesan terhadap pembangunan negara dan berpimpin tangan dengan penduduk Malaysia yang lain untuk mencapai sasaran dan aspirasi. Di samping kami menyambut tahun ke 44 federasi Malaysia, jangan kita lupa bahawa Orang Asli memainkan peranan yang amat penting ketika kelahiran negara kita yang indah ini.